



UPM Boleh! Mungkin itulah yang dilaungkan oleh pasukan hoki lelaki dan wanita UPM pada Pesta Hoki USM Antarabangsa, baru-baru ini.

UPM juara berganda pesta hoki IPT

PASUKAN hoki lelaki dan wanita Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara Pesta Hoki USM Antarabangsa 2008 bagi kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) setelah menewaskan lawan masing-masing dari Universiti Teknologi Mara (UiTM B) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI A) dengan keputusan 1-0 dan 3-0 di Stadium Hoki USM pada 1 Disember lalu.

Pasukan hoki lelaki dan wanita UPM membawa pulang hadiah berupa piala iringan Kementerian Pengajian Tinggi

(KPT), piala pusingan, wang tunai RM1,000 medal dan barangan tajaan Nestle.

Lebih manis, tiga orang pemain hoki UPM iaitu Kannagi A/P Arumugam dinobatkan Pemain Terbaik Wanita Kategori IPT, Khairunnissah Kamaruzaman (Penjaga Gol Wanita Kategori IPT) dan Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil (Pemain Lelaki Paling Menyerlah Kategori IPT).

Ketiga-tiga pemain itu membawa pulang hadiah berupa medal, barangan sumbangan Nestle dan Be Composites yang disampaikan oleh Naib Canselor

USM, Prof. Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak.

Jurulatih pasukan wanita, Wan Zaharuddin Wan Abdullah berkata, UPM telah menghantar enam pasukan iaitu dua pasukan staf UPM untuk kategori terbuka, tiga pasukan lelaki dan satu pasukan perempuan bagi kategori IPT.

Beliau berkata, pasukan wanita UPM telah memenangi sebanyak empat kali kejohanan tersebut manakala pasukan hoki lelaki pula telah memenangi dua kali kejohanan tersebut.

"Sebanyak 14 orang pemain hoki

lelaki UPM dipilih untuk mewakili Malaysia pada Kejohanan Sukan Universiti Asia (SUA) yang berlangsung pada 11 hingga 21 Disember ini," katanya lagi.

Pesta Hoki USM Antarabangsa 2008 disertai oleh pasukan hoki tempatan dan antarabangsa dari Australia, Taiwan, Hong Kong, Timor Leste, Brunei, Singapura, Thailand, Sri Langka dan India.

Turut hadir memeriahkan pertandingan tersebut ialah DYTM Raja Muda Perak Raja Dr. Nazrin Shah Ibnu Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.